

**NO SOALAN :16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN  
(BAYAN BARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.07.2017**

**Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai Syarikat-syarikat Money Game atau skim cepat kaya yang disiasat oleh Bank Negara Malaysia dalam tahun 2017. Berapakah jumlah duit yang dibekukan dan bilakah duit yang dibekukan akan dikembalikan kepada mangsa pelabur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti skim cepat kaya merupakan satu kesalahan yang tertakluk di bawah bidang kuasa agensi-agensi seperti berikut :

- i) Bank Negara Malaysia (BNM), untuk kesalahan pengambilan

deposit secara haram;

ii) Polis DiRaja Malaysia (PDRM), untuk kesalahan berunsur penipuan;

iii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), untuk kesalahan menjalankan perniagaan skim piramid;

iv) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), untuk kesalahan berkaitan dengan skim kepentingan; dan

v) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), untuk kesalahan berkaitan pelaburan sekuriti haram.

Oleh itu, tindakan boleh diambil di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh agensi-agensi berkenaan bergantung kepada elemen-elemen kesalahan aktiviti skim cepat kaya tersebut. Satu inisiatif bersepadu telah dilaksanakan antara agensi-agensi berkaitan yang diketuai oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) bertujuan untuk memastikan perkongsian maklumat dan kerjasama yang lebih berkesan dengan menjalankan operasi bersepadu atas syarikat-syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti skim kewangan haram, serta mencegah dan membanteras aktiviti-aktiviti haram tersebut daripada berleluasa.

Sehubungan dengan itu, pada bulan Mei 2017, tiga operasi bersepadu untuk membanteras isu skim cepat kaya telah dilaksanakan dengan diselaraskan oleh AGC dan masing-masing diketuai oleh PDRM dan KPDNKK. Melalui operasi tersebut, sebanyak sembilan kertas siasatan telah dibuka oleh agensi-agensi di bawah Kanun Keseksaan 1936, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993, Akta Syarikat 2016, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan juga Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001(AMLATFA). Sebanyak 165 akaun bank yang melibatkan wang berjumlah lebih kurang RM296 juta telah dibekukan oleh pihak berkuasa.